

4.3 Kadaran

Kadaran ialah suatu hubungan yang menyatakan kesamaan antara dua nisbah atau dua kadar.

Kadaran diungkapkan dalam bentuk pecahan.

1. Tulis satu kadaran bagi setiap situasi yang berikut.

Puan Azlina membeli 5 biji oren dengan RM8 manakala Puan Sumathi membeli 20 biji oren dengan RM32.

— = —

Siti menggunakan 5 m kain hitam untuk menjahit dua helai seluar dan 15 m kain untuk menjahit 6 helai seluar.

— = —

Keluarga Lee membayar RM6.40 untuk penggunaan 8m³ air pada Januari. Pada bulan Februari, bil air keluarga Lee ialah RM5.60 untuk penggunaan 7m³ air.

— = —

2. Jika $y : 168 = 17 : 14$, cari nilai y .

— = —

$y =$

3. Harga bagi 2 kg teh ialah RM18. Berapakah harga bagi 10 kg teh?

— = —

$Teh = RM$

4. Sebuah kereta bergerak sejauh 570 km dengan penggunaan 60 liter petrol. Jika kereta itu bergerak sejauh 190 km, berapa penggunaan petrol?

— = —

Petrol =

5. Sebuah bilik darjah boleh memuatkan 35 orang calon. Jika calon peperiksaan ialah 245 orang, berapakah bilangan bilik darjah yang diperlukan?

— = —

Bilik darjah =

6. Vivian menjual 25 helai baju dengan harga RM375. Dia menjual lagi 5 helai baju dengan harga RM60. Tentukan sama ada Vivian mengalami keuntungan atau kerugian?

— = —

Untung / rugi =